

Bicara Alumni : En. Ramanathan Sathiamutty (CTO Celcom Axiata)

Encik Ramanathan Sathiamutty (Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina 1988) telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dan kejayaan bersama para pelajar dalam Bicara Alumni edisi ke-7. Beliau adalah Ketua Pegawai Transformasi Celcom Axiata Bhd. merangkap Ahli Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

Seorang yang sangat aktif ketika zaman belajarnya, Encik Ramanathan turut mewakili UKM dalam pasukan bola sepak UKM. Antara nasihat dan kata-kata semangat yang dititipkan beliau kepada para pelajar ialah pelajar perlu aktif melibatkan diri dalam aktiviti berpersatuan dan organisasi untuk mengasah bakat kepimpinan, kemahiran berkomunikasi agar dapat meningkatkan keyakinan diri dan bersedia menghadapi cabaran dalam dunia pekerjaan.

Jawatan yang disandang oleh beliau sekarang memerlukan beliau sentiasa terkehadapan dan menghasilkan idea-idea segar bagi memenuhi keperluan pengguna. Sehubungan itu, beliau menggalakkan para pelajar untuk turut serta dalam bidang telekomunikasi dan membawa nama UKM terus ke puncak kejayaan.



DATUK JAAFAR MAHAD DILANTIK TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA SPRM BAHARU

Datuk Jaafar Mahad (Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP) 2003) telah dilantik menjadi Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkuatkuasa mulai 1 Februari 2018. Beliau telah menggantikan Datuk Seri Mohd. Jamidan Abdullah yang bersara wajib.

Beliau memulakan kerjaya sebagai pegawai siasatan di Ibu Pejabat Badan Pencegahan Rasuah (BPR) dan juga pernah memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Integriti di Petrolim Nasional Berhad (Petronas).

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Alumni Hebat UKM. Semoga terus cemerlang dan membawa SPRM ke mercu kejayaan.



CABARAN USAHAWAN BUMIPUTERA MENEROKA POTENSI BIDANG KEJURUTERAAN

Encik Zakaria Abdullah (Fakulti Sains Fizis dan Gunaan 1997) merupakan pemilik syarikat MMA Tech Engineering Sdn Bhd. Berkelulusan dalam Sarjana Muda Geologi, beliau memanfaatkan kepakaran dalam bidang pergerakan tanah dan penyelenggaraan cerun untuk menguruskan syarikat yang dimilikinya kini.

Beliau memulakan kerjaya awal di salah sebuah anak syarikat milik UEM Group. Hasil daripada pengalaman dan kepakaran yang ada, beliau mengorak langkah untuk membina empayar beliau sendiri. Tidak gentar menubuhkan syarikat sendiri dalam era penuh mencabar ini, akhirnya beliau telah mendaftar syarikat MMA Tech Engineering di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) pada tahun 2009. Syarikat beliau telah beroperasi secara rasmi pada tahun 2010 dan kini menjadi antara pakar geoteknik dan syarikat bumiputera terkemuka di negara.

"Bidang geoteknik ini masa depannya amat cerah dan amat diperlukan dalam sektor hartanah baik di dalam negara dan juga luar negara."



En. ZAKARIA ABDULLAH - SINAR HARIAN 6 NOV 17

PERTEMUAN JEJAK KASIH ALUMNI UKM 70 YANG ke-2



Pada 13 Januari 2018 yang lalu, telah berlangsung Majlis Pertemuan Jejak Kasih Alumni UKM 70 kali ke-2 bertempat di Hotel Kinta Riverfront Ipoh, Perak. Dihadiri seramai 21 orang alumni yang belajar sekitar tahun 1970 - 1976 pada awal penubuhan UKM, majlis tersebut turut mengimbu kenangan para alumni ketika zaman belajar dan berkongsi perkembangan diri masing-masing.

Majlis bermula sekitar 2.30 petang sehingga 6.00 petang. Pelbagai acara menarik telah dijalankan dan turut diadakan sesi bergambar bagi merakam kenangan terindah untuk dikenang buat selama-lamanya.

Pusat Pembangunan Mahasiswa & Perhubungan Alumni

Aras 7, Bangunan Pusanika
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor

☎ 603 8921 4698/3194/4703 📠 603 8921 4701
🌐 <http://www.ukm.my/alumni>

✉ alumni@ukm.edu.my

📘 /UKMalumni

🐦 /ukm_my

📷 /ukminsta

📺 /ukmtubes